

**Analisis Bukti-Bukti Sheikh Al-Ramli Dalam Membenarkan Amalan Bidaah Di
Kubur Berdasarkan Al-Quran Dan Sunnah**
*(Analysis Of Sheikh Al-Ramli's Evidence In Permissibility Of Bidaah Practice At
Graves Based On The Quran And Sunnah)*

Basri bin Ibrahim (*Corresponding author*)

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

Kampus Gong badak

21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia/

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia

Email: bashim67@kuips.edu.my

Nik Faisal bin Nik Ismail

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia

Email: nikfaisal@kuips.edu.my

Article

Progress:

Submission date:

01-12-2023

Accepted date:

20-12-2023

ABSTRACT

Islam rejects the practice of bid'ah at graves, as performed by certain individuals within the Muslim community. The act of bid'ah at graves refers to practices that contradict the Sunnah of the Prophet Muhammad PBUH when visiting graves. Some of these actions include kissing or waving at objects that were never venerated by Allah SWT and seeking help or istighathah that involves shirk (associating partners with Allah), such as seeking help from deceased prophets, wali, or righteous individuals. Among the scholars who advocate for these practices is Shams al-Din al-Ramli, a viewpoint adhered to by a fraction of the Muslim community, particularly followers of Sufi orders. This article aims to analyse Al-Ramli's evidence in justifying bid'ah practices at graves based on the Quran and Sunnah. The research methodology employed is qualitative, referring to tafsir books, Islamic jurisprudence texts, Al-Ramli's works, and contemporary fatwas. Data were acquired through document analysis. The study findings reveal Al-Ramli's opinion advocating the acts of kissing and waving at the graves of prophets and righteous individuals. Similarly, the act of seeking blessings by performing istisyfa' with the Prophet Muhammad PBUH after his passing, as well as at the graves of other prophets and righteous individuals, contradicts the Quran and Sunnah. It also conflicts with the consensus among scholars, falling within the realm of bid'ah concocted by those ignorant of the true essence of tawhid. The Muslim community is advised to refrain from adopting this viewpoint to ensure the soundness of their creed and safeguard against falling into practices of associating partners with Allah (shirk)

Keywords: *bid'ah; istighathah; graves; istisyfa'; tawhid*

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang menekankan kepada tauhid dan menolak syirik. Segala amalan yang boleh menyumbang kepada syirik seperti berdoa kepada yang lain daripada Allah SWT, menunaikan solat di atas kubur dan lain-lain dilarang dan ditegah.

Ziarah kubur merupakan satu amalan sunnah Rasulullah SAW. Ia dilakukan dalam usaha mendoakan kebaikan dan keampunan buat si mati. Selain itu ia juga bertujuan mengambil pengajaran dan teladan daripada apa yang berlaku kepada si mati. Meskipun demikian ziarah kubur tidak boleh dilakukan secara semberono dan mengikut perasaan sendiri. Sebaliknya ia perlu dilakukan berdasarkan tatacara yang telah ditetapkan oleh Rasulullah SAW. Jika ia dilakukan tidak mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Rasulullah SAW, pasti orang yang terlibat akan terlibat dengan berbagai-bagai amalan ziarah yang bidaah dan terkeluar daripada landasan sunnah. Dalam melakukan ziarah kubur tidak boleh dilakukan secara melampau. Perkara ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ إِنَّمَا الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ رَسُولُ اللَّهِ وَكَلِمَتُهُ أَلْقَاهَا إِلَى مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِنْهُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَلَا تَقُولُوا ثَلَاثَةٌ انْتَهُوا خَيْرًا لَكُمْ إِنَّمَا اللَّهُ إِلَهٌ وَحْدٌ سُبْحَنَهُ أَنْ يَكُونَ لَهُ وَلَدٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَكَفَى بِاللَّهِ وَكِيلًا

Maksudnya: *Wahai Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara ugama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar; sesungguhnya Al Masih Isa ibni Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah dan Kalimah Allah yang telah disampaikan-Nya kepada Maryam, dan (ia juga tiupan) roh daripada-Nya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya, dan janganlah kamu mengatakan: "(Tuhan itu) tiga". Berhentilah (daripada mengatakan yang demikian), supaya menjadi kebaikan bagi kamu. Hanyasanya Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa, Maha Suci Allah daripada mempunyai anak. Bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan cukuplah menjadi Pengawal (Yang Mentadbirkan sekalian makhluk-Nya).*

(al-Nisa'4:171)

Artikel ini dihasilkan bertujuan menganalisis pendapat Syeikh al-Ramli berkaitan beberapa amalan bidaah yang dilihat oleh beliau sebagai harus. Analisis yang akan dibuat berdasarkan kepada ulama mazhab *al-Syafi'i* dan ulama hadis. Ini untuk melihat sejauh manakah

pendapat imam Syams al-Din al-Ramli menepati pendapat ulama mazhab *al-Syafi'i* dan juga ulama hadis.

SOROTAN KAJIAN

Penulisan tentang amalan-amalan bidaah dan *istighathah* dengan orang yang telah mati secara khusus sudah banyak dilakukan. Namun yang berdasarkan pendapat ulama mutaakhirin al-Syafi'i dan ulama al-Azhar masih belum wujud dalam erti kata yang sebenar. Antara penulisan yang berkaitan yang boleh dijadikan rujukan ialah Muhammad Nasir al-Din (2001) dalam bukunya yang berjudul *Al-Tawassul Wa Anwa'u*, Al-Anqari, (1420H) berjudul *Juhud A'immah al-Syafi'iyah Fi Taqrir Tauhid al-Ibadah*, Al-Asimi al-Tamimi, (2005) berjudul *Bida' al-Qubur Anwa'uha wa Ahkamuha*, Al-Barkawi, (1996) berjudul *Ziyarah al-Qubur al-Syar'iyah wa al-Syirkiah*, Al-Karmi, (1998) berjudul *Syifa' al-Sudur Fi Ziyarah al-Masyahid wa al-Qubur*, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, (1432H) berjudul *Ighathah al-Lahafan Fi Masayid al-Syaitan*, Juma'ah, Ali. (2011) berjudul *Al-Mutasyaddidun Manhajuhum wa Munaqasyah Qadayahum*, Ismail, Ala' Hasan. (2021) berjudul *Mawqif al-Syafi'iyah al-Mutaakhirin Min Bida' al-Quburi*, Jama'atun Mina al-Ulama. (2010) berjudul *Fatawa Kibar Ulama' al-Azhar al-Syarif Hawla al-Adrihah, wa al-Qubur wa al-Nuzur wa al-Mawalid* dan lain-lain.

METODOLOGI KAJIAN

Metode penulisan buku ini berdasarkan kajian kualitatif. Data-data diperoleh berteraskan analisis dokumen yang dilakukan ke atas kitab tafsir, hadis, buku-buku akidah, buku-buku fiqh ulama mutaakhirin al-Syafi'i dan juga fatwa-fatwa ulama al-Azhar berkaitan amalan bidaah dan melakukan istighathah dengan orang yang telah mati. Kesemua data dikumpulkan dan dianalisis untuk mencari natijah yang terbaik berdasarkan al-Quran dan hadis sahih serta pendapat ulama muktabar yang pakar dalam bidangnya.

DAPATAN KAJIAN

Antara amalan bidaah yang berlaku dalam menziarahi kubur antaranya ialah:

1. Menunaikan solat di sisi kubur dan menghadap ke arah kubur, sedangkan Rasulullah SAW menegah solat menghadap ke arah kubur.

2. Membina masjid di atas kubur, sedangkan Rasulullah SAW melarang membina masjid di atas kubur. Mereka menamakan binaan di atas kubur itu sebagai *masyhad* sebagai meniru rumah Allah.
3. Menyalakan lampu di sisi kubur atau menggantung lampu di sisi kubur, sedangkan perkara tersebut di larang oleh Rasulullah SAW.
4. Menjadikan kubur sebagai tempat menyambut perayaan dan ibadah. Mereka berkumpul di sisi kubur sebagaimana mereka berkumpul untuk menyambut kedatangan hari raya atau lebih daripada itu lagi. Sedangkan perkara itu semua ditegah oleh Rasulullah SAW.
5. Membina bangunan di atas kubur tidak ubah bagaikan sebuah rumah dan dibina pula selepas itu sebuah kubah di atas bangunan tersebut. Padahal Rasulullah SAW melarang berbuat demikian bahkan baginda mengarahkan supaya menyamaratakan kubur dengan tanah, sebagaimana yang terdapat dalam hadis riwayat Thumamah bin Syufayy yang menjelaskan:

كنا مع فضالة بن عبيد برؤيس من أرض الروم فتوفي صاحبنا فأمَرَ فضالةُ بقبْرِهِ فَسَوَّى ثُمَّ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- يَأْمُرُ بِتَسْوِيَتِهَا

Maksudnya: *Kami bersama dengan Fudalah bin Ubaid di bumi Rom di Rodes. Sahabat kami meninggal dunia. Fudalah menyuruh dia dikebumikan dan kuburnya disamaratakan dengan tanah. Katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW memerintahkan supaya menyamaratakan kubur dengan tanah.*

(Muslim:968; Abu Dawud: 3219).

6. Mengecat dan duduk di atas kubur, padahal Rasulullah SAW menegah berbuat demikian. Dalam hadis riwayat Jabir RA menjelaskan, katanya:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُجَصَّصَ الْقَبْرُ وَأَنْ يُعَدَّ عَلَيْهِ وَأَنْ يُبْنَى عَلَيْهِ

Maksudnya: *Rasulullah SAW menegah daripada dikafurkan (dicat) kubur, duduk dan dibuat binaan di atasnya.*

(Muslim:970)

7. Menulis sesuatu pada kubur, termasuk ayat-ayat al-Quran dan lain-lain padahal Rasulullah SAW menegah berbuat demikian. Dalam hadis riwayat Jabir RA menjelaskan:

نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تُجَصَّصَ الْقُبُورُ وَأَنْ يُكْتَبَ عَلَيْهَا

Maksudnya: *Rasulullah SAW menegah daripada mengkafurkan kubur dan menulis sesuatu di atasnya.*

(Sahih: al-Tirmizi:1052)

8. Menambah tanah lain ke atas kubur dan meninggikannya melebihi daripada kadar sejengkal. Padahal Rasulullah menegah berbuat demikian (al-Jawziyyah,1432H).

Dalam hadis riwayat Jabir RA menjelaskan:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُبْنَى عَلَى الْقَبْرِ أَوْ يُزَادَ عَلَيْهِ أَوْ يُجَصَّصَ

Maksudnya: *Rasulullah menegah dibina bangunan di atas kubur atau ditambah ke atasnya atau dicat.*

(Sahih: al-Nasa'i:2027)

9. Mengucup atau melambai-lambai sesuatu yang tidak pernah diagungkan Allah SWT. Tidak ada seorang pun yang boleh mengucup dua rukun Syam meskipun Kaabah itu sendiri mempunyai kehormatan dan meskipun jemaah diizinkan melambai-lambai dua rukun yang ada pada Kaabah tersebut. Jika begitu keadaannya mengucup kubur lebih utama ditegah dan dilarang (al-Qaradawi:2006).

10. Memohon pertolongan atau *istighathah* yang syirik iaitu melakukan *istighathah* dengan para nabi, para wali dan orang-orang salih yang sudah meninggal. Begitu juga melakukan *istighathah* dengan para malaikat, batu-batu atau seumpamanya dengan cara meminta mereka melakukan sesuatu yang hanya khusus menjadi uluhiyah Allah SWT sahaja, seperti menurunkan hujan, menyembuhkan penyakit, membantu orang yang memerlukan pertolongan, meluaskan rezeki dan seumpamanya (Ismail, 2021).

Biodata Syekh Syams al-Din al-Ramli

Nama sebenar beliau ialah Syams al-Din bin Syihab al-Din al-Ramli al-Manufi al-Misri al-Ansari. Beliau dilahirkan pada tahun 919 hijrah dan meninggal tahun 1004 hijrah. Beliau lebih dikenali dengan gelaran imam al-Syafi'i kecil (*al-Syafi'i al-Saghir*). Beliau merupakan ulama mazhab al-Syafi'i yang hidup pada kurun ke 10 hijrah. Sebahagian ulama menggelarkan beliau sebagai mujaddid kurun ke 10 hijrah. Ayahanda beliau ialah syekh Syihab al-Din al-Ramli yang menumpukan kepada lapangan fiqh, tafsir dan juga tatabahasa Arab.

Antara guru beliau ialah ayahandanya sendiri syekh Syihab al-Din al-Ramli, Syekh Zakaria al-Ansari, syekh Abu Syarif, syekh Ibn al-Najjar al-Hanbali, Syekh Syaraf al-Din al-Dumairi al-Maliki, syekh Nur al-Din al-Tarablusi al-Hanafi dan syekh Sa'ad al-Din al-Zahabi al-Syafi'i.

Antara karyanya ialah *Nihayah al-Muhtaj Syarah al-Minhaj*, iaitu syarah kepada *Minhaj al-Talibin* oleh imam al-Nawawi, *al-Ghirar al-Bahiyah Fi Syarah al-Manasik al-Nawawiyah* iaitu syarah *al-Manasik* oleh imam al-Nawawi, *Ghayah al-Bayan Fi Syarh Zabad Ibn Ruslan* iaitu syarah *Kitab Safwah al-Zabad al-Syafi'iyah* oleh Ibn Ruslan, *'Umdah al-Rabih Fi Ma'rifah al-Tariq al-Wadih* syarah *Hadiyyah al-Nasih wa Hizb al-Falah al-Najih* oleh syekh Ahmad al-Zahid, *syarah al-Bahjah al-Wirdiyah* dan lain-lain (al-Zarakli, 2002).

Amalan Bidaah Di Kubur Yang Diharuskan Syekh Al-Ramli

Terdapat beberapa amalan bidaah di kubur yang diharuskan oleh syekh al-Ramli. Antaranya ialah:

1. Mengucup Kubur Nabi Dan Orang-Orang Salih

Beliau mengharuskan mengucup kubur para nabi dan orang-orang salih dengan tujuan mengambil berkat dengan kubur tersebut. Pada dasarnya beliau menghukumkan mengucup kubur adalah makruh. Begitu juga dengan melambai-lambai dan mengucup beranda kubur ketika masuk untuk menziarahi kubur para wali. Namun begitu bagi beliau jika seseorang mengqasadkan dengan kucup kubur yang dilakukannya untuk mengambil berkat, hukumnya tidak makruh.

Beliau juga menyatakan harus berwasiat supaya diimarahkan kubur para nabi dan orang-orang salih kerana ia dapat menghidupkan ziarah ke kubur mereka dan pengambilan keberkatan daripada kubur-kubur tersebut (al-Ramli, 1984).

Pendapat syeikh al-Ramli di atas sama dengan pendapat ayahandanya syeikh Syihab al-Ramli (1984), Ibn Khalikan (Ibn Kathir, 1990), Ibn Allan (2004), al-Bujairimi (1995), al-Syarqawi (1298H) dan lain-lain (al-Kalbani, 2016).

Dalil Yang Dijadikan Hujah

Antara hujah yang dijadikan alasan antaranya ialah:

1. Hadis riwayat daripada Bilal RA yang pernah menziarahi kubur Rasulullah SAW. Beliau melekatkan wajahnya pada kubur Rasulullah SAW. Ia disebutkan oleh imam al-Subki (2008).
2. Keberkatan para wali berpindah ke kubur mereka selepas kematian mereka (al-Kalbani, 2016).

Analisis Dalil Yang Dijadikan Hujah

Dalil yang dijadikan hujah oleh Syeikh al-Ramli dapat dibahasakan sebagaimana berikut:

1. Hadis yang dinukilkan daripada Bilal RA tidak sabit dengan sanad yang sahih. Bahkan ia merupakan hadis mungkar sebagaimana yang dijelaskan oleh imam al-Zahabi (1985). Jika diandaikan ia sahih, ia hanya melibatkan tindakan yang dilakukan oleh Bilal RA di atas dasar rasa sedih yang keterlaluan dan bukan kerana beliau mengiktikadkan terdapat keberkatan pada kubur. Ia juga merupakan peristiwa yang bercanggah dengan riwayat yang sabit dan masyhur daripada seluruh para sahabat iaitu mereka menegah mengagungkan kubur dan keperluan menyembunyikan kubur itu daripada penglihatan orang ramai. Ia juga melibatkan tegahan terhadap segala *wasilah* yang membawa kepada orang ramai terfitnah dengan kubur dan bergantung kepada penghuninya (Ibn Taimiyyah, 2004; Ibn Hajar al-Haithami, 2000).

2. Iktikad berlaku perpindahan keberkatan kepada kubur para nabi adalah satu iktikad yang batil. Hal tersebut kerana keberkatan zat para nabi tidak akan berpindah ke tempat-tempat tertentu di bumi. Jika tidak, sudah tentu setiap bumi yang dipijak oleh seseorang nabi, menunaikan solat di atasnya atau mana-mana jalan yang dilalui oleh nabi tersebut, menjadi tempat-tempat yang berkat dan mulia. Ia merupakan satu kenyataan yang batil dan bertentangan dengan banyak dalil. Oleh kerana perpindahan keberkatan kepada kubur para nabi adalah satu pendapat yang batil, maka bagi orang lain sudah tentu lebih besar kebatilannya (al-Jazwiyyah, 1432H; Ali al-Syeikh, t.th; al-Asimi, 2005).
3. Tidak terdapat dalil daripada Al-Quran dan juga Sunnah yang menunjukkan kubur para nabi dan orang-orang salih perlu dikucup oleh umat Islam, kerana kononnya ia merupakan punca kepada terhasilnya keberkatan dan penambahan kebaikan (al-Ulyani,1991). Oleh kerana itu sewajarnya dibataskan pencarian keberkatan kepada yang terdapat dalam nas sahaja seperti mengambil keberkatan daripada zam zam, minyak zaitun dan lain-lain. Dalam hadis riwayat daripada Jabir RA menjelaskan Rasulullah SAW bersabda:

مَاءٌ زَمَزَمٌ لِمَا شَرِبَ لَهُ

Maksudnya: *Air zam zam mengikut niat peminumnya.*

(Sahih: Ahmad,3:357; Ibn Majah:3062)

Dalam hadis riwayat daripada Umar bin al-Khattab RA menjelaskan, Rasulullah SAW bersabda:

كُلُوا الزَّيْتِ وَأَدْهِنُوا بِالزَّيْتِ فَإِنَّهُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ

Maksudnya: *Makanlah minyak dan gunakanlah ia. Sesungguhnya ia datang daripada pokok yang diberkati.*

(Hasan Li Ghairihi: al-Tirmizi,4:285)

4. Athar-athar yang sabit daripada imam-imam *salaf al-soleh* terdahulu menunjukkan tegahan mengikut kesan-kesan yang ditinggalkan oleh para nabi dan suruhan menyembunyikan kubur-kubur mereka. Sekiranya kubur-kubur dan kesan-kesan peninggalan mereka menjadi punca kepada perolehan kebaikan dan keberkatan, sudah

tentu generasi salafus salih terdahulu akan mengambil keberkatan dan dan membimbing manusia untuk mengambil keberkatan daripada kubur-kubur tersebut (al-Jawziyah, 1432H; al-Karami,2003).

5. Pendapat di atas bukan sahaja bertentangan dengan pendapat ulama yang menegah bertabarak dengan zat orang-orang salih bahkan juga merupakan pendapat yang bertentangan dengan pendapat ulama yang mengharuskan mengambil keberkatan terhadap zat orang-orang salih. Kesemua mereka memberi peringatan terhadap perkara tersebut dan menegahnya (al-Nawawi, 1437H; Ibn Taimiyyah, 2004; Ibn Hajar al-Haithami,2008; dan al-Anqari, 1420H).
6. Pengharusan mengambil keberkatan daripada kubur dengan cara mengucup dan melambai-lambainya merupakan satu *wasilah* yang boleh menjerumuskan ramai orang kepada pergantungan kepada ahli kubur, membuka pintu fitnah dan mengheret mereka kepada melakukan syirik kepada Allah *azza wajalla* (al-Barkawi, 1996; al-Judai‘, 2000).

2. Memohon Syafaat Dengan Nabi SAW Selepas Baginda Wafat

Syeikh Al-Ramli (1984) mengharuskan memohon syafaat dengan nabi setelah baginda wafat. Beliau menjelaskan ketika menziarahi kubur nabi SAW seseorang hendaklah menghadap kepala baginda dan membelakangkan kiblat seterusnya memberi salam kepada baginda. Kemudian mengundur lalu memberi salam kepada Abu Bakar RA kemudian mengundur sedikit lagi lalu memberi salam kepada Umar RA. Setelah itu kembali ke tempatnya yang pertama lalu menghadap wajah nabi dan bertawassul dengan baginda berkaitan hak dirinya dan memohon syafaat dengannya kepada tuhananya.

Memohon syafaat dengan nabi atau *istisyfa‘* dengan nabi selepas kewafatan baginda juga diharuskan oleh imam al-Ghazali (2005), Ibn Jamaah (1994), al-Subki (2008), Abu Zakaria al-Ansari (1994), Ibn Hajar Haithami (2008), al-Khatib al-Syarbini (t.th), Abu Bakar al-Dimyati (1997) Zaini Dahlan (t.th) dan lain-lain.

Dalil Yang Digunakan Sebagai Hujah

Antara hujah yang digunakan ialah:

1. Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ اللَّهِ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

Maksudnya: *Dan Kami tidak mengutus seseorang Rasul pun melainkan supaya ia ditaati dengan izin Allah. Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.*

(al-Nisa' 4:64)

Mereka menyatakan ayat di atas berbentuk umum berkaitan kebolehan memohon ampun kepada Allah menerusi perantaraan nabi Muhammad SAW baik ketika baginda masih hidup mahupun setelah baginda SAW wafat.

2. Riwayat al-Utbi yang menyatakan: “Aku pernah duduk di sisi kubur Rasulullah SAW. Kemudian datang seorang lelaki Arab pendalaman lalu mengucapkan: Salam sejahtera ke atas tuan wahai Rasulullah. Aku menfdengar Allah SWT berfirman: *Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.* (al-Nisa' 4:64). Sekarang aku datang untuk memohon ampun di atas dosa yang aku lakukan dengan memohon syafaat denganmu kepada tuhanku. Kemudian beliau beredar. Ketika itu aku merasa mengantuk lalu aku bermimpi berjumpa dengan Rasulullah SAW dalam tidur: Baginda bersabda: Wahai Utbi sampaikanlah berita gembira kepadanya yang Allah telah mengampunkan dosanya”. Ia merupakan satu kisah yang dilihat sebagai baik oleh ulama (al-Nawawi, 2004).
3. Kisah imam Malik dengan Jaafar al-Mansur, yang menjelaskan Abu Jaafar al-Mansur pernah berbahas dengan Imam Malik. Ketika itu mereka berada dalam masjid nabi SAW. Kemudian Jaafar al-Mansur bertanya imam Malik adakah beliau perlu menghadap kiblat dalam berdoa ketika menziarahi kubur baginda atau perlu menghadap kubur baginda? Imam Malik menyatakan: Kenapa anda memalingkan wajah anda daripada baginda. Baginda merupakan wasilah anda dan wasilah moyang anda Adam. Bahkan

hadapkanlah kubur baginda dan mohonlah syafaat dengannya. Nanti Allah akan syafaatkan anda. Seterusnya beliau menyebut firman Allah SWT: *Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad)...(al-Nisa' 4:64)* (Iyad, 1988).

4. Dalil-dalil yang ada menjelaskan para nabi hidup di dalam kubur-kubur mereka. Nabi SAW hidup dalam kuburnya. Oleh kerana itu perbuatan di atas tidak dikira sebagai satu perbuatan syirik, kerana ia merupakan satu bentuk permintaan daripada orang yang hidup dalam bentuk bertawassul dengan mereka dan bukan atas dasar iktikad pada tangan mereka terdapat manfaat, mudarat dan kemampuan memberi kesan kepada yang lain.

Analisis Ke Atas Dalil Yang Digunakan

Bagi membahaskan dalil yang digunakan di atas adalah sebagaimana berikut:

1. Ayat 64 daripada surah al-Nisa' yang terdapat dalam ayat di atas tidak boleh difahami sebagaimana yang difahami oleh ulama yang disebutkan di atas iaitu kebolehan memohon syafaat atau istisyfa' dengan nabi SAW setelah baginda wafat. Apa yang difahami ialah kesemua tokoh salaf mentafsirkannya dengan makna menemui baginda SAW pada masa hayatnya bagi membolehkan baginda memohon keampunan untuk orang yang menemui baginda itu. Tidak ada seorang pun yang pergi ke kubur baginda setelah baginda wafat lalu meminta daripada baginda sebagaimana dia meminta sesuatu daripada baginda pada masa hayat baginda SAW itu. Sesiapa yang menukilkan kononnya ada mana-mana orang dalam kalangan generasi salaf yang berbuat demikian sebenarnya telah berdusta dan berbohong. Seandainya ayat di atas menjelaskan ziarah kubur merupakan sesuatu yang disyariatkan kepada setiap orang yang berdosa supaya mengunjungi kubur, memohon *istisyafa'* dan memohon keampunan dengan nabi SAW, sudah tentu kubur akan menjadi tempat menyambut perayaan. Rasulullah SAW melarang menjadikan kubur sebagai tempat perayaan. Dengan cara tersebut jelaslah takwilan yang dilakukan oleh golongan yang mentakwilkannya merupakan satu bentuk takwilan dan kefahaman yang batil sama sekali (Ibn Abd al-Hadi, 2003; al-Sahsawani, 1975).

2. Kisah al-Utbi hanyalah kisah tentang seorang yang tidak dikenali identiti. Ia dinukilkan dengan sanad yang lemah. Bagaimana ia boleh dijadikan hujah dalam permasalahan akidah tauhid yang merupakan asas utama Islam. Pandangan baik yang dikemukakan oleh sesetengah ulama terhadapnya tidak cukup untuk memperkuatkannya dan beramal dengannya. Ibadah tidak sabit semata-mata dengan pandangan baik daripada seseorang. Ia juga tidak dibina berdasarkan kisah dan mimpi. Bahkan semestinya berdasarkan dalil yang sahih daripada al-Kitab dan al-Sunnah (Ibn Abd al-Hadi, 2003; Ibn Sahman, 1349H; Ali al-Syeikh, t.th).
3. Perbahasan yang dikatakan berlaku antara imam Malik dengan Abu Jaafar al-Mansur merupakan riwayat yang terputus. Dalam isnadnya terdapat riwayat yang lemah di sisi kebanyakan ulama yang pakar tentang perawi hadis. Di dalam sanadnya juga terdapat perawi yang tidak dikenali. Selain itu ia juga merupakan riwayat yang tidak disebutkan oleh mana-mana sahabat imam Malik yang terkenal. Bahkan ia merupakan riwayat yang bertentangan dengan riwayat yang masyhur dalam mazhab tersebut. Imam Malik sendiri menyatakan apabila memberi salam kepada Rasulullah kemudian ingin berdoa tidak boleh menghadap kubur baginda, bahkan hendaklah menghadap kiblat. Ia menunjukkan kisah di atas merupakan kisah yang direka dan dikaitkan dengan nama imam Malik secara bohong (Ibn Taimiyyah, 1999; al-Rifa'i, 1979).
4. Pendapat yang tidak membezakan antara kehidupan para nabi selepas meninggal dengan kehidupan mereka sebelum meninggal, merupakan satu pendapat yang rosak baik dari segi syarak mahupun dari segi akal. Kehidupan para nabi selepas mereka meninggal berbeza dengan kehidupan mereka sebelum meninggal. Hal tersebut kerana kehidupan para nabi di dalam kubur mereka tidak terikat dengan hukum hakam duniawi. Bahkan mereka sudah terputus dengan kehidupan duniawi. Mereka tidak makan, tidak minum, tidak lagi bertemu dengan orang ramai dan tidak boleh lagi menunaikan solat di belakang mereka. Allah SWT membezakan antara orang yang hidup dengan orang yang mati dalam kitab-Nya. Firman-Nya:

وَمَا يَسْتَوِي الْأَحْيَاءُ وَلَا الْأَمْوَاتُ إِنَّ اللَّهَ يُسْمِعُ مَن يَشَاءُ وَمَا أَنتَ بِمُسْمِعٍ مَّن فِي الْقُبُورِ

Maksudnya: *Dan (Demikianlah pula) tidaklah sama orang-orang yang hidup dengan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Allah, (menurut undang-undang peraturan-Nya), dapat menjadikan*

sesiapa yang dikehendakinya mendengar (ajaran-ajaran Kitab Allah serta menerimanya), dan (engkau wahai Muhammad) tidak dapat menjadikan orang-orang yang di dalam kubur mendengar (dan menerimanya).

(Fatir 35:22)

Perbezaan ini difahami dengan jelas oleh generasi salaf terdahulu. Oleh kerana itu khalifah Umar RA tidak memohon hujan dengan menggunakan perantaraan baginda baik dalam bentuk zat, pangkat kebesaran mahupun doa selepas baginda meninggal, sebaliknya berbuat demikian menerusi doa bapa saudara baginda al-Abbas. Ia juga merupakan makna yang diperakui oleh akal yang sihat. Jika seseorang menemui seorang yang mati syahid pada jalan Allah SWT sebelum pengebumiannya dan berinteraksi dengannya sebagaimana dia masih hidup, sudah tentu dia akan dianggap sebagai seorang yang gila (al-Suwaiddi, 2011; Ibrahim al-Hazimi, 1415H; al-Albani, 2001).

5. Dalil-dalil dan athar menjelaskan setelah Rasulullah SAW meninggal dunia, kedudukan baginda sama sahaja dengan orang-orang Islam yang lain yang meninggal dunia dari segi tidak lagi terikat dengan hukum hakam duniawi. Sehubungan dengan itu meminta sesuatu daripada baginda setelah baginda meninggal sama juga dengan meminta sesuatu daripada orang lain yang juga telah meninggal. Kesemua dikira penyumbang kepada syirik. Berhubung iktikad yang baginda SAW hanya merupakan sebab dan bukan sebagai pemberi kesan, ia sebenarnya merupakan iktikad yang dipegang oleh orang-orang musyrik terhadap tuhan-tuhan mereka yang tidak pernah diberikan keuzuran dan kemaafan oleh Allah SWT. Bahkan Allah mencela dan mengancam mereka yang berbuat demikian (al-Suwaiddi, 2011; Ibn Sahman, 1349H; Sahsawani, 1975).
6. Perkara yang menjadi sunnah Rasulullah SAW dan sunnah para sahabat ketika menziarahi kubur orang-orang yang mati syahid dan lain-lain ialah memberi salam kepada penghuni kubur, berdoa untuk mereka dan memohon syafaat daripada Allah untuk mereka dan bukan memohon syafaat daripada mereka supaya mereka membawanya kepada Allah di alam barzakh (al-Jawziyah, 1432H).
7. *Istisyfa'* (memohon syafaat) daripada nabi setelah baginda SAW wafat, tidak pernah disokong oleh mana-mana dalil. Sebaliknya dalil-dalil syarak yang ada kesemuanya menjelaskan jenis-jenis syafaat yang sabit kepada nabi SAW, berlaku pada dua tempat sahaja iaitu ketika hidup

di dunia dan pada hari kiamat. Antara dalil tersebut ialah hadis riwayat Anas RA yang menjelaskan nabi SAW bersabda:

لِكُلِّ نَبِيٍّ دَعْوَةٌ قَدْ دَعَا بِهَا- فَاسْتُجِيبَ فَجَعَلْتُ دَعْوَتِي شَفَاعَةً لَأُمَّتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: *Setiap nabi mempunyai doa yang dia telah berdoa dengannya lalu diperkenankan Allah doa beliau itu. Aku memperuntukkan doaku pula sebagai syafaat kepada umatku pada hari kiamat.*

(al-Bukhari,5:2323)

Hadis riwayat Abu Hurairah RA yang menjelaskan ada sahabat bertanya Rasulullah SAW, siapakah manusia yang paling bahagia memperoleh syafaat baginda pada hari kiamat nanti?: Baginda SAW bersabda:

أَسْعَدُ النَّاسِ بِشَفَاعَتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ خَالِصًا مِنْ قَبْلِ نَفْسِهِ

Maksudnya: *Manusia yang paling bahagia memperoleh syafaatku pada hari kiamat kelak ialah orang yang mengucapkan tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dengan penuh keikhlasan daripada lubuk hati atau dirinya sendiri.*

(al-Bukhari,1:49)

Hadis riwayat Jubir bin Mut'im RA daripada bapanya daripada datuknya, katanya:

يا رسول الله -صلى الله عليه وسلم- جَهِدْتَ الْإِنْفُسَ وَضَاعَتِ الْعِيَالُ وَتُهَكَّتِ الْأَمْوَالُ وَهَلَكْتَ الْأَنْعَامُ فَاسْتَشَقَّ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَنَا فَإِنَّا نَسْتَشْفِعُ بِكَ عَلَى اللَّهِ وَنَسْتَشْفِعُ بِاللَّهِ عَلَيْكَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم-: "وَيْحَكَ! أَتَدْرِي مَا تَقُولُ" وَسَبَّحَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- فما زال يُسَبِّحُ حَتَّى عُرِفَ ذَلِكَ فِي وَجْهِ أَصْحَابِهِ ثُمَّ قَالَ: "وَيْحَكَ! إِنَّهُ لَا يُسْتَشْفَعُ بِاللَّهِ عَلَى أَحَدٍ مِنْ خَلْقِهِ شَأْنُ اللَّهِ أَعْظَمُ مِنْ ذَلِكَ

Maksudnya: *Seorang Arab pendalaman menemui nabi SAW lalu berkata: Wahai Rasulullah segala jiwa telah letih, segala keluarga telah tersia-sia, segala harta telah musnah dan segala binatang telah hancur. Mohonlah hujan kepada Allah. Sesungguhnya kami memohon syafaat denganmu ke atas Allah. Kami memohon syafaat dengan Allah ke atas tuan. Rasulullah SAW bersabda: Celakalah anda, apakah anda tahu apa yang anda ucapkan itu?. Rasulullah SAW bertasbih. Baginda terus bertasbih sehingga hal tersebut dapat diketahui perkara tersebut pada wajah para sahabatnya. Kemudian baginda bersabda: Celakalah anda, sesungguhnya tidak boleh*

memohon syafaat dengan Allah ke atas seseorang daripada makhluk-Nya. Kedudukan Allah itu lebih besar daripada hal tersebut.

(Sahih: Abu Dawud, 4:232)

KESIMPULAN

Amalan bidaah di kubur merujuk kepada amalan yang bertentangan dengan yang disunnahkan oleh Rasulullah SAW ketika menziarahi kubur. Antaranya ialah mengucup atau melambai-lambai sesuatu yang tidak pernah diagungkan Allah SWT. Tidak ada seorang pun yang boleh mengucup dua rukun Syam meskipun Kaabah itu sendiri mempunyai kehormatan dan meskipun jemaah diizinkan melambai-lambai dua rukun yang ada pada Kaabah tersebut. Jika begitu keadaannya mengucup kubur lebih utama ditegah dan dilarang.

Memohon pertolongan atau *istighathah* yang syirik iaitu melakukan *istighathah* dengan para nabi, para wali dan orang-orang salih yang sudah meninggal. Begitu juga melakukan *istighathah* dengan para malaikat, batu-batu atau seumpamanya dengan cara meminta mereka melakukan sesuatu yang hanya khusus menjadi uluhiyah Allah SWT sahaja, seperti menurunkan hujan, menyembuhkan penyakit, membantu orang yang memerlukan pertolongan, meluaskan rezeki dan seumpamanya (Ismail, 2021).

Berdasarkan keterangan di atas dapat disimpulkan pendapat syeikh Syams al-Din al-Ramli yang mengharuskan perbuatan mengucup dan melambai-lambai kubur nabi dan orang-orang salih. Begitu juga dengan perbuatan mengambil berkat dengan melakukan *istisyfa'* dengan nabi SAW setelah baginda SAW meninggal dan juga di kubur para nabi dan orang-orang salih yang lain, adalah bertentangan dengan al-Kitab dan al-Sunnah. Ia juga bertentangan dengan perkara yang disepakati oleh para ulama. Bahkan ia termasuk ke dalam perkara bidaah yang diada-adakan oleh orang-orang yang jahil tentang hakikat tauhid sahaja.

RUJUKAN

- Ahmad, Ahmad bin Hanbal. (1995). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (2001). *Al-Tawassul 'awa'uhu wa ahkamuhu*. Riyadh: Maktabah al-Maarif.
- Al-Alusi, Mahmud Syukri. (t.th). *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran wa Sab' al-Mathani*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Anqari, Abdullah bin Abd al-Aziz. (1420H). *Juhud A'imamah al-Syafi'iyah Fi Taqirir Tauhid al-Ibadah*. Arab Saudi: Jami'ah Ummi al-Qura.
- Al-Asimi al-Tamimi, (2005). *Bida' al-Qubur Anwa'uha wa Ahkamuha*. Riyadh: Dar al-Fadilah.
- Al-Barkawi, Muhammad bin Muhammad. (1996). *Ziyarah al-Qubur al-Syar'iyah wa al-Syirkiyyah*. Amman: Dar al-Basyir.

- Al-Bujairimi, Sulaiman bin Muhammad bin Umar. (1995). *Hasyiyah al-Bujairimi 'Ala al-Khatib*. T.pt.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2005). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Hazimi, Ibrahim. (1415H). *Rasa'il wa Fatawa al-Syeikh Aba Battin*. Dar al-Syarif.
- Ali al-Syeikh, Salih bin Abd al-Aziz. (t.th). *Hazihi Mafahimuna. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah: al-Ri'asah al-Ammah Li al-Buhuth al-Ilmiyyah wa al-Ifa*.
- Al-I'lam Bi A'yan al-Syafi'iyah al-Asya'riyyah. Nuskah Mahfuzah. 28 September 2017.
- Al-Judai', Nasir bin Abd al-Rahman. (2000). *Al-Tabarruk wa Anwa'uhu*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Kalbani, Azizah binti Mubarak bin Musbih. (2016). *Al-Masa'il al-'Aqdiyyah Allati Khalafa Fiha Ba'du Fuqaha' al-Syafi'iyah A'immata al-Mazhab*. Mesir: Dar al-Huda al-Nabawi.
- Al-Karami, Zain al-Din bin Mar'i bin Yusuf. (2003). *Syifa' al-Sudur Fi Ziyarah al-Qubur wa al-Masyahid*. Riyadh: Ri'asah Idarah al-Buhuth al-Ilmiyyah wa al-Ifa'.
- Al-Maqrizi, Ahmad bin Ali. (2015). *Tajrid al-Tauhid al-Mufid*. Riyadh: Dar al-Sumai'i.
- Al-Mardawi, Ala' al-Din Abu al-Hasan Ali. (1995). *Al-Insaf Fi Ma'rifah al-Rajih Mina al-Khilaf*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Nawawi, Abu Muhy al-Din Yahya bin Syaraf (1347H). *Majmu' Syarah al-Muhazzab*. Al-Qahirah: al-Tiba'ah al-Muniriyyah.
- Al-Nawawi, Abu Muhy al-Din Yahya bin Syaraf (2004). *al-Futuh al-Rabbaniyyah 'Ala al-Azkar al-Nawawiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qanuji, Muhammad Siddiq Hasan Khan. (1977). *Al-Din al-Khalis*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2006). *Fusulun Fi al-Aqidah bayna al-Salaf wa al-Khalaf*. Mesir: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2021). *Fiqh al-Solah*. Damsyik : Dar al-Qalam.
- Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad bin Abu al-Abbas. (1984). *Nihayah al-Muhtaj Ila Syarah al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Rifa'i, Muhammad Nasib. (1979). *Al-Tawassul 'Ala Haqiqah al-Tawassul*. Beirut: Dar Lubnan.
- Al-Sahsawani, Muhammad Basyir. (1975). *Siyanah al-Insan 'An Waswasati Dahlan*. T.pt.
- Al-Subki, Ali bin Abd al-Kafi bin Ali. (2008). *Syifa' al-Saqam Fi Ziyarah Khayr al-Anam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Al-Suwaidi, Ali bin Abi al-Su'ud.(2011). *Al-Aqd al-Thamin Fi Bayan Masa'il al-Din*. Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. (1990). *Al-Amr Bi al-Ittiba' Wa al-Nahy Ani al-Ibtida'*. Al-Riyad: Dar Ibn al-Qayyim.
- Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. (1938). *al-Risalah*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi
- Al-Syarqawi, Abdullah bin Hijazi bin Ibrahim. (1298H). *Hasyiyah al-Syarqawi Tuhfah al-Tullab*. Mesir: al-Matba'ah al-Amiriyah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa bin Sawrah.(t.th). *Sunan al-Tirmizi*. Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Zahabi, Syams al-Din bin Muhammad bin Ahmad. (1985). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Zarakli, Khayr al-Din. (2002). *Al-A'lam Qamus Tarajum Li Asyhur al-Rijal wa al-Nisa' mina al-Arab wa al-Musta'rabin wa al-Mustasyriqin*. Beirut: Dar al-'Ilmi Li al-Malayin.
- Dahlan, Ahmad Zaini. (t.th). *Al-Durar al-Saniyyah Fi al-Rad 'Ala al-Wahhabiyyah*. Al-Qahirah Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Dar al-Ifta' al-Misriyyah, Nuskah Mahfuzah. 22 jan 2015.
- Ibn Abd al-Hadi, Muhammad bin Ahmad. (2003). *Al-Sarim al-Munki fi al-Rad Ala al-Munki*. Lubnan: Mu'assasah al-Rayah.
- Ibn Allan, Muhammad bin Allah al-Siddiqi.(2004). *al-Futuhat al-Rabbaniyyah Ala al-Azkar al-Nawawiyyah*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-Haithami, Ahmad bin Muhammad. (2000). *Al-Jawhar al-Munazzam Fi Ziyarah al-Qabr al-Syarif al-Nabawi al-Karim*. Mesir: Maktabah Madbuli.
- Ibn Jamaah, Abd al-Aziz bin Muhammad bin Ibrahim.(1994). *Hidayah al-Salik Ila al-Mazahib al-Arba'ah Mina a-Manasik*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.
- Ibn Kathir, Ismail bin Omar bin Kathir. (1990). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut; Maktabah al-Ma'arif.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. (t.th). *Sunan Ibn Majah*. Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abu Bakar bin Ayyub. (1432H). *Ighathah al-Lahafan Fi Masayid al-Syaitan*.Jeddah: Majma' al-Fiqh al-Islami.
- Ibn Sahman, Sulaiman bin Sahman.(1349H). *Al-Sawa'iq al-Syihabiyyah 'Ala al-Syubah al-Dahidah al-Syamiyyah*. Al-Riyad: Dar al-Asimah.

- Ibn Taimiyyah, Ahmad Taqi al-Din. (2004). *Majmu' al-Fatawa*. jil.27. al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Su'udiyah: Majma' al-Malik Fahad.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad Taqiy al-Din. (1999). *Qa'idah Jalilah Fi al-Tawassul wa al-Wasilah*. Ajman: Maktabah al-Furqan.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad Taqiy al-Din. (t.th). *Kitab al-Ziyarah Min Ajwibah Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah*. Maktabah al-Hayah.
- Ibn Ulaisy al-Maliki, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad. (t.th). *Fath al-Ali al-Malik Fi Fatwa 'Ala Mazhab al-Malik*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ismail, Ala' Hasan. (2021). *Mawqif al-Syafi'iyah al-Mutaakhirin Min Bida' al-Quburi Wa Mina al-Istighathah*. Salaf Center.
- Qadi Iyad, Iyad bin Musa. (1988). *Al-Syifa' bi Huquq al-Mustafa*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ulyani, Ali bin Nafi'. (1991). *Al-Tabarruk al-Masyru' wa al-Tabarruk al-Mannu'*. Al-Riyad: Dar al-Watan Li al-Nasyr.